

Debat beri peluang pelajar lontar idea

UM 12.2.2014 26

KOTA KINABALU 11 Feb. - Peluang menyertai Kejohanan Debat Universiti Dunia (WUDC) memberi ruang kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) melontarkan idea dan pemikiran mereka mengenai pelbagai isu secara matang.

Pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Rohani Hadi berkata, itu merupakan usaha pihak universiti memberi pendedahan dan pengalaman dengan acara berprestij itu untuk dikongsi kepada para pendebat pelapis universiti.

"Kita menghantar dua pelajar dari Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (SPKAL) UMS Kampüs Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) ke Kejohanan Debat Universiti Dunia (WUDC) yang berlangsung di Rajalakshmi Engineering College, Chennai, India baru-baru ini.

"Hasilnya, daripada 360 universiti yang mengambil bahagian, pendebat UMS berada pada kedudukan ke-313. Kedudukan yang di luar

Banyak ilmu yang kita dipelajari dan boleh dikongsikan kepada rakan-rakan yang lain. Secara peribadi penyertaan dalam pertandingan ini juga meningkatkan keyakinan diri saya untuk beraksi dengan lebih mantap dalam mana-mana pertandingan debat pada masa akan datang

JOHNSON WONG QIAN SHENG
Pelajar UMS

jangkaan kerana kita masih mampu mengatasi beberapa universiti dunia walaupun dari segi pengalaman kita jauh lebih muda berbanding mereka," katanya.

Sementara itu, seorang pelajar UMS yang menyertai debat itu, Tey Jun Qian berkata, dia tidak gentar terhadap saingan dari universiti lain, malah menganggapnya sebagai



penyuntik semangat untuk memberikan persembahan terbaik.

Namun katanya, persaingan yang sengit daripada universiti-universiti terkemuka menyebabkan mereka terpaksa akur dengan pencapaian tersebut.

Rakannya, Johnson Wong Qian Sheng berkata, pengalaman beraksi dalam kejohanan bertaraf dunia itu

banyak memberi manfaat kepada-nya termasuk mempelajari kepel-bagaiannya teknik debat para peserta dari universiti-universiti tersohor antarabangsa.

"Banyak ilmu yang kita dipelajari dan boleh dikongsikan kepada rakan-rakan yang lain. Secara peribadi penyertaan dalam pertandingan ini juga meningkatkan keyakinan diri saya untuk beraksi dengan lebih mantap dalam mana-mana pertandingan debat pada masa akan datang," ujarnya.

Kejohanan selama sembilan hari itu menyaksikan pasukan debat UMS mara sehingga ke pusingan ketiga sebelum tewas kepada Universiti Union Glasgow, United Kingdom dan Universiti Melbourne, Australia.

Terdahulu, pasukan UMS telah mengalahkan beberapa universiti seperti Universiti Moscow, Russia; Universiti Yogyakarta, Indonesia dan Universiti Aoyama Gakuin, Je-pun.



TEY Jun Qian (kiri) bersama Johnson Wong Qian Sheng yang menyertai Kejohanan Debat Universiti Dunia (WUDC) di Rajalakshmi Engineering College, Chennai, India baru-baru ini.